



MALAYSIAN FRANCHISE ASSOCIATION

Anugerah Francais Malaysia 2024
Malaysia Franchise Awards 2024



BORANG PENCALONAN / NOMINATION FORM FRANCAISI ANTARABANGSA BERBILANG UNIT TERBAIK / MULTI-UNIT INTERNATIONAL FRANCHISEE OF THE YEAR

1.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN / ENTRY REQUIREMENT

1. Menjalankan perniagaan francais tidak kurang daripada 3 tahun.
Franchise business has been in operation for at least 3 years.
2. Mempunyai akaun teraudit bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.
Have audited accounts for year 2020, 2021 and 2022.
3. Terbuka kepada Francaisi kepada Francaisi Induk / Francaisor antarabangsa sahaja
Open to the Franchisee of any Master Franchisee / International Franchisors.
4. Borang pencalonan harus diisi dengan lengkap serta dihantar ke alamat di bawah berserta dengan dokumen, rekod, maklumat dan bahan berkaitan sebelum **pukul 3.00 petang, 05 April 2024**.
Nomination form must be filled with complete details to the address below together with all related documents, records, information and materials before 3.00 p.m, 05th April 2024.

**SEKRETARIAT ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2024
PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
J-2-1, Boulevard Business Park,
No. 115, Jalan Kepayang, Off Jalan Kuching,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia
(U/P: En. Muhammad Adam Abdul Jaffar)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Muhammad Adam Abdul Jaffar di talian 03-6241 4141 atau emel ke adam.jaffar@mfa.org.my
For further enquiries please contact En. Muhammad Adam Abdul Jaffar at 03-6241 4141 or e-mail adam.jaffar@mfa.org.my

2.0 TERMA DAN SYARAT / TERMS AND CONDITIONS

1. Anugerah ini terbuka kepada francais yang berdaftar dengan sistem antarabangsa sahaja.
This award is open for franchisee registered with international system only.
2. Pencalonan yang tidak memenuhi Terma dan Syarat dan kegagalan mematuhi Syarat Penyertaan akan menyebabkan permohonan terbatal.
Nominations will be disqualified if the Terms and Conditions and entry requirements are not met.
3. Kegagalan mengisi borang pencalonan dengan betul dan/atau diterima selepas tarikh tutup pencalonan akan ditolak.
Nominations that are incomplete and/or received post-deadline will be rejected.
4. Sekiranya didapati sebarang maklumat, dokumen dan laporan yang dikemukakan tidak benar atau palsu atau jika terdapat salah nyata yang ketara, pencalonan akan dibatalkan. Pihak penganjur mempunyai kuasa untuk membatalkan anugerah yang diberikan sekiranya terdapat maklumat, dokumen dan laporan yang tidak sah.
If any information, document and report provided by the nominee is subsequently discovered to be fraudulent or false or if there is a material misstatement or omission, the nomination will be disqualified. The organizer has an authority to revoke any award given if there is any information, documentation and report is not valid.
5. Pihak penganjur boleh meminta maklumat, dokumen dan laporan lanjut atau membuat lawatan untuk mengesahkan maklumat, dokumen dan laporan yang dikemukakan. Calon perlu menyediakan maklumat, dokumen dan laporan tersebut, jika perlu.
The organizer may request further information, documentation and report or make visits to authenticate the information, documentation and information provided. Nominees should be prepared to make the information, documentation and report available if necessary.
6. Borang Pencalonan mestilah ditandatangani oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan syarikat.
The Nomination Form must be signed off by the designated duty authorized officer of the company.
7. Semua bahan yang dikemukakan tidak akan dikembalikan dan akan kekal menjadi hakmilik pihak penganjur.
All submitted materials will not be returned and shall remain the property of the organizer.
8. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk pencalonan yang rosak atau hilang melalui pos atau emel elektronik. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.
The organizer will not be responsible for nomination damaged or lost through the post or electronic email. Proof of posting is not proof of receipt.
9. Pihak penganjur berhak untuk menggunakan maklumat umum syarikat dan logo syarikat yang dikemukakan oleh calon dalam semua penerbitan yang berkaitan dengan Anugerah.
The organizer reserves the right to use company's general information and company's logo provided by the nominees alike in all publications related to the Awards.
10. Semua maklumat, dokumen dan laporan adalah sulit dan persendirian serta tidak akan didedahkan kepada pihak lain.
All information, documentation and report will be treated as private and confidential and will not be disclosed to any party.
11. Pihak penganjur telah menetapkan piawaian penilaian dan kualiti anugerah bagi setiap kategori yang dipertandingkan. Oleh itu, pihak penganjur mempunyai kuasa untuk tidak mengumumkan pemenang bagi tahun tersebut sekiranya tiada calon yang memenuhi standard tersebut.
The organizer has set a standard of awards evaluation and quality for each competing category. Therefore, the organizer has the right to with hold the award for the year if there is no qualifying nominee.
12. Hanya calon akhir dan pemenang anugerah akan diumumkan pada Malam Anugerah Francais Malaysia 2024. Para calon akhir dinasihatkan untuk menempah meja atau tempat duduk bagi majlis tersebut.
Only the finalists and the winners of the awards will be announced during the Malaysia Franchise Awards Night 2024. Finalists are advised to reserve their table(s) or seat (s) for the event.
13. Keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan. Calon tidak boleh mengambil tindakan mahkamah bagi mengkaji semula keputusan penganjur.
The organizer's decision is final. No appeal will be entertained. The nominees shall not resort to court proceedings to review the organizer decision.

3.0 MAKLUMAT YANG PERLU DISERTAKAN / INFORMATION TO BE ATTACHED

- [] Borang penyertaan.
Entry form.
- [] Bukti perlantikan sebagai francais seperti salinan kulit hadapan perjanjian francais, sijil atau dokumen berkaitan.
Evidence of appointment as the franchisee such as a copy of franchise agreement cover, certificates and any related documents.
- [] Salinan penyata akaun teraudit bagi tahun **2020, 2021** dan **2022**.
A copy of audited account statement for year 2020, 2021 and 2022.
- [] Salinan Borang 9 / 24 (SSM)
A copy of Form 9 / 24 (SSM)
- [] Dokumen-dokumen sokongan untuk pernyataan di seksyen A, Borang Pencalonan ini
Supporting documents for statement in section A for this Nomination Form

4.0 KRITERIA PENILAIAN / JUDGING CRITERIA

Proses penilaian senarai pendek calon selepas pencalonan akan dibuat berdasarkan 'Rangka Kerja yang merangkumi Empat (4) komponen asas iaitu **Kepimpinan, Input, Sistem** dan **Hasil**. Komponen bagi rangka kerja tersebut adalah seperti berikut:

*The assessment process of short-listing the candidates after the submission of applications will be based on the 'Framework' which has four (4) basic components namely **Leadership, Input, System** and **Outcome**. The components are as follows:*

1. **Kepimpinan:** menunjukkan bagaimana pemimpin membangunkan dan menggerakkan misi, visi dan nilai utama yang diperlukan bagi kejayaan jangka panjang.
Leadership: addresses how leaders develop and facilitate the achievement of the mission, vision and core values required for long term success.
2. **Input:** memfokuskan kepada pengurusan maklumat yang penting bagi menggalakkan penambahbaikan organisasi dan inovasi dalam mewujudkan nilai unik, pengetahuan dan penggunaan data perbandingan untuk membantu dalam membuat keputusan dan penambahbaikan di semua peringkat.
Input: focuses on management of information that is essential for promoting organizational improvement and innovations to create unique values, knowledge and the use of comparative data to support decision-making and improvements at all levels.
3. **Sistem:** menunjukkan bagaimana organisasi merekabentuk, mengurus dan menambahbaik proses-proses bagi menyokong polisi dan strategi serta memuaskan dan menjana nilai tambahan untuk pelanggan dan pihak berkepentingan lain. Proses boleh didefinisikan sebagai satu set terikat yang merangkumi aktiviti kerja berkaitan yang juga mempunyai input dan hasil masing-masing yang ditetapkan.
System: addresses how the organization designs, manages and improves its processes in order to support its policy and strategy and fully satisfy, and generate increasing value for, its customers and other stakeholders. A process can be further defined as a bound set of inter related work activities, each having prescribed inputs and outputs.
4. **Hasil:** merujuk kepada pencapaian yang telah dan sedang diusahakan dan diperoleh oleh syarikat. Organisasi menggunakan berberapa parameter utama untuk menilai hasilnya. Antaranya ialah prestasi perniagaan, pembangunan francais, sumber manusia, pelanggan dan tanggungjawab sosial korporat.
Outcome: concerned with what an organization has achieved and is achieving. An organization uses a number of key parameters to measure its outcome. They are business performance, franchise development, people, customers and corporate social responsibility.

Calon yang disenarai pendek akan tertakluk kepada penilaian yang akan dilakukan oleh Jawatankuasa Anugerah Francais Malaysia 2024.

The short-listed finalists will be subjected to an assessment conducted by the Malaysia Franchise Award 2024 Committee.

ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2024
Borang Pencalonan Francaisi Antarabangsa Pelbagai Unit Terbaik
MALAYSIA FRANCHISE AWARDS 2024
Nomination Form for Multi-Unit International Franchisee of the Year

A. LATARBELAKANG FRANCAISI/ FRANCHISEE'S BACKGROUND

1. Nama syarikat/ *Company's name*:
2. Tarikh pendaftaran syarikat/ *Date of registration (RoC)*:
3. Alamat perniagaan/ *Company's address*:
- Poskod/ *Postcode*: Bandar/ *City*: Negeri/ *State*:
4. Nama Pegawai untuk Dihubungi/ *Name of Contact Officer*:
5. No. tel/ *Tel no*: Hp/ *Hp no*:
- No. faks/ *Fax no*: Email/ *Email*:
6. Pegangan ekuiti/ *Equity holder*: Bumiputera [%] ; Non-Bumiputera [%]
7. Modal Dibenarkan / *Authorized Capital*: RM.....
8. Modal Berbayar/ *Paid up Capital*: RM.....
9. Ahli MFA/ *MFA's member*
 Ya/ *Yes* ; Sejak/ *Since*(dd/mm/yyyy)
 Tidak/ *No*

B. MAKLUMAT PERNIAGAAN FRANCAISI/ FRANCHISE BUSINESS INFORMATION

1. Jenama produk/ *Product brand*:
2. Klasifikasi produk/ *Product classification*:
 Makanan & Minuman/ *Food & Beverages* Perkhidmatan/ *Services*
 Peruncitan/ *Retail* Pendidikan & Latihan/ *Education & Training*
 Teknologi Maklumat/ *Information Technology* Kesihatan & Kecantikan/ *Health & Beauty*
 Pelancongan/ *Travel & Tourism* Lain-lain/ *others*
3. Tahun mula perjanjian francaisi/ *Commencement date of franchise agreement*:
4. Tempoh perjanjian francaisi/ *Term of franchise agreement*:
Terma Awal/ *Initial Term*: tahun/ *years* Pembaharuan/ *Renewal*tahun/ *years*
5. Maklumat Outlet/ *Outlet Information*:
5.1 Bilangan outlet terkini/ *No. Of Current Outlet*:
- 5.2 Hak kewilayahan/ *Territorial Rights*: ya/ *yes* ; Jika ya sila nyatakan/ *If yes please state* :
 tidak/no
- 5.3 Tarikh outlet beroperasi/ *Date Of Operation*:

No	Lokasi Outlet / <i>Outlet Location</i>	Tarikh Outlet Beroperasi / <i>Date of Operation</i>

Sila gunakan lampiran berasingan jika ruangan tidak mencukupi)
(Please use separate attachment if the space allocated is not enough)

C. MAKLUMAT PENGLIBATAN FRANCAISI/ INFORMATION ON FRANCHISEE INVOLVEMENT1. Operasi perniagaan francais/ *Franchise business operation:* Sepenuh masa/ *Full time* Sambilan. Sila nyatakan pekerjaan sebenar anda/ *Part time. Please state your full-time occupation:*

.....

2. Penglibatan ahli keluarga atau saudara mara francais di dalam perniagaan ini (anda boleh tanda melebihi satu jawapan)/ *Franchisee's family or relatives' involvement in the business (you can tick more than one answer):* Tiada penglibatan ahli keluarga/ *No family involvement* Pemegang Saham/ *Shareholder* Pengarah/ *Director* Kakitangan/ *Staff***D. MAKLUMAT PENGURUSAN PERNIAGAAN/ BUSINESS MANAGEMENT INFORMATION**1. Maklumat tenaga kerja bagi setiap outlet / *Workforce information for each outlet:*

No	Lokasi Outlet / Outlet Location	Bilangan Kakitangan	
		Eksekutif Dan Ke Atas/ Executive And Above	Krew Operasi/ Operation Crew

(Sila gunakan lampiran berasingan jika ruangan tidak mencukupi)/(Use separate attachment if the space allocated is not enough)

2. Pertumbuhan jumlah pekerja / Growth of Franchisee's total employee

Tahun/ Year	Jumlah Pekerja Pada Awal Tahun/ Total No. of Employee At The Beginning of The Year	Jumlah Pekerja Pada Akhir Tahun/ Total No. of Employee At The End of The Year
2021		
2022		
2023		

3. Senarai Program Latihan Dalam yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan outlet/ *List of In-House Training Program that has been organized to increase staffs' knowledge and skills:*

Tahun / Year	Jenis latihan / Type of training	Butiran / Details (Dalam / Luar / Internal / External)	Tahap Latihan Level of Training (Asas, Pertengahan, Lanjutan / Basic	Jumlah Jam / Total Hours (Per Year)
2021				
2022				
2023				

(Sila gunakan lampiran berasingan jika ruangan tidak mencukupi)
(Please use separate attachment if the space allocated is not enough)

E. PRESTASI PERNIAGAAN/ BUSINESS PERFORMANCE

1. Maklumat Jualan Tahunan / Annual Sales Information

Tahun/ Year	Outlet 1	Outlet 2	Outlet 3	Outlet 4	Outlet 5	Purata Jualan/ Average sales (RM)
2020						
2021						
2022						

(Sila LAMPIRKAN salinan **Penyata Akaun** syarikat yang telah diaudit untuk pengesahan)
(Please ATTACH a copy of the company's audited **Financial Account** for verification)

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang pencalonan untuk Anugerah Francais Malaysia 2024 adalah benar.

I hereby declare that all the information that I submitted in this nomination form for Malaysia Franchise Awards 2024 is correct and accurate.

Cop Syarikat/Company Stamp:

.....
Nama/Name :
Jawatan/Designation :
Tarikh/Date :

(Untuk disahkan dan ditandatangani oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan syarikat.)

(To be verified and signed by the the designated duty authorized officer of the company).

**TERIMA KASIH DI ATAS PENGLIBATAN ANDA
THANK YOU FOR YOUR PARTICIPATION**